



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**

www.gaexcellence.com/ijmoe



ANALISIS AMALAN KOMUNIKASI GURU TAHFIZ DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN DI ERA KONTEMPORARI

AN ANALYSIS OF TAHFIZ TEACHERS' COMMUNICATION PRACTICES IN THE TEACHING AND LEARNING OF THE QUR'AN IN THE CONTEMPORARY ERA

Safinah Ismail^{1*}, Hayati Hussin², Khadijah Lokman³, Nur Muizz Mohamed Salleh⁴,
Norhasanah Mohd Yusoff⁵

¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia

 safinah@uis.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-6822-9993>

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

 hayati.hussin@usim.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-0209-7208>


³ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

 sitikhadijahlokman91@gmail.com


 <https://orcid.org/0009-0000-0535-2943>


⁴ Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran, Universiti Islam Selangor, Malaysia

 muizz@uis.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0009-9368-4459>

⁵ Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

 norhasanah@polipd.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0007-5554-2674>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.02.2026

Revised date: 22.02.2026

Accepted date: 24.03.2026

Published date: 31.03.2026

Abstrak:

Kajian ini bertujuan menganalisis bentuk dan amalan komunikasi guru tahfiz dalam pengajaran al-Quran di Malaysia, mengenal pasti kekuatan serta kekangan yang wujud, dan mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian. Komunikasi bukan sekadar alat penyampaian ilmu, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme pembentukan motivasi, disiplin, dan hubungan spiritual antara guru dan pelajar. Namun, terdapat jurang

To cite this document:

Ismail, S., Hussin, H., Lokman, K., Salleh, M. N. M., & Yusoff, N. M. (2026). Proposing A Conceptual Framework for Responsible Use of Ai Tools in Academic Writing: An Initial Integrative Review. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 1390-1400.

DOI: 10.35631/IJMOE.829083

dalam kompetensi komunikasi guru tahfiz, terutama dalam penglibatan interpersonal dan dalam penyepaduan teknologi pendidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan meneliti karya ilmiah termasuk jurnal, buku, dan laporan penyelidikan yang berkaitan dengan komunikasi pendidikan Islam dan pedagogi tahfiz. Dapatan menunjukkan bahawa guru tahfiz mengaplikasikan komunikasi lisan, bukan lisan, dan spiritual yang berasaskan nilai kasih sayang, hikmah, dan dakwah. Pendekatan komunikasi yang berkesan didapati meningkatkan tumpuan, motivasi, dan prestasi hafazan pelajar. Secara keseluruhannya, komunikasi guru tahfiz perlu dilihat sebagai bentuk dakwah dan tarbiah yang bersepadu yang memerlukan penguasaan pedagogi, empati, dan pemahaman psikologi. Justeru, latihan komunikasi secara holistik disarankan bagi memperkukuh kualiti pendidikan tahfiz dalam era digital masa kini.

Kata Kunci:

Guru Tahfiz, Institusi Tahfiz, Komunikasi, Pembelajaran Al-Quran

Abstract:

This study aims to analyse the forms and practices of tahfiz teachers' communication in the teaching and learning of the Qur'an in Malaysia, identify their strengths and limitations, and propose suitable improvements. Communication serves not only as a means of knowledge transmission but also as a tool for fostering motivation, discipline, and spiritual connection between teachers and students. However, there remains a notable gap in the communicative competencies of *tahfiz* teachers, particularly in interpersonal engagement and in the effective integration of educational technology. This study employs a library research method, drawing on scholarly literature, including journals, books, and research reports, related to Islamic educational communication and *tahfiz* pedagogy. Findings reveal that *tahfiz* teachers employ verbal, non-verbal, and spiritual communication grounded in compassion, wisdom, and da'wah values. Effective communication approaches were found to enhance students' focus, motivation, and memorisation performance. Overall, *tahfiz* teachers' communication should be viewed as an integrated form of *da'wah* and *tarbiyyah* that requires mastery of pedagogy, empathy, and psychological understanding. Therefore, holistic communication training is recommended to enhance the quality of *tahfiz* education in the current digital era.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keywords:

Communication, Quranic Learning, *Tahfiz* Teachers, *Tahfiz* Institution

Pengenalan

Amalan komunikasi guru memainkan peranan signifikan dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. Komunikasi bukan sekadar alat penyampaian ilmu, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme pembentukan motivasi, disiplin, dan hubungan spiritual antara guru dan pelajar. Di institusi tahfiz, komunikasi menjadi lebih signifikan kerana proses pembelajaran yang dijalankan melibatkan bukan sahaja aspek kognitif, tetapi juga rohani dan emosi pelajar. Oleh itu, kefahaman terhadap amalan komunikasi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) tahfiz adalah penting bagi memastikan objektif pendidikan dapat dicapai secara holistik. Kajian ini bertujuan menganalisis bentuk dan amalan komunikasi guru tahfiz dalam konteks pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia, mengenal pasti kekuatan dan kekangan yang wujud, serta mencadangkan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti komunikasi pedagogi guru tahfiz pada era kontemporari.

Kajian Literatur

Pendidikan tahfiz al-Quran berperanan penting dalam memelihara dan memperkukuh ajaran Islam seiring dengan tuntutan era kontemporari. Perkembangan teknologi telah mendorong guru tahfiz mengintegrasikan pelbagai medium digital dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, tahap penggunaannya bergantung kepada kecekapan guru serta akses pelajar dan institusi, khususnya dari segi infrastruktur dan peranti (Hussin et al., 2022; Nordin & Norazah, 2020). Penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS), media sosial, dan aplikasi multimedia dilaporkan memberi kesan positif terhadap penglibatan, motivasi, dan prestasi hafazan pelajar, manakala pendekatan gamifikasi muncul sebagai inovasi baharu dalam memperkasa pembelajaran tahfiz (Mohd Noorhadi & Zurinah, 2017; Ahmad et al., 2021)

Menurut Ismail, N. (2019), kekurangan guru yang mempunyai kelayakan formal dan latihan pedagogi menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Guru yang kurang terlatih cenderung menggunakan kaedah pengajaran yang tidak sistematik, sekaligus menjadikan pelajar sukar memahami atau menghafal al-Quran dengan baik. Keadaan ini turut memberi kesan langsung terhadap kualiti komunikasi pedagogi guru tahfiz, yang memerlukan bukan sahaja penguasaan ilmu, tetapi juga kemahiran komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan ilmu tersebut dengan jelas dan bermakna.

Guru tahfiz merupakan agen utama dalam proses pembelajaran al-Quran, bukan sahaja berperanan menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk jati diri dan kerohanian pelajar. Keberkesanan pengajaran tahfiz sangat bergantung kepada kemahiran komunikasi guru, yang merangkumi bukan sekadar penyampaian maklumat, tetapi juga pembangunan aspek kognitif, afektif, dan rohani pelajar. Komunikasi yang berkesan berupaya memotivasikan pelajar, menggalakkan penglibatan aktif, dan membina hubungan yang erat antara guru dan pelajar. Hal ini disokong oleh dapatan Ibrahim, Ramli, dan Zakaria (2018) yang mendapati bahawa guru yang memiliki kemahiran komunikasi yang tinggi cenderung melahirkan pelajar yang bermotivasi, berdisiplin, dan mempunyai jati diri yang kukuh.

Walaupun komunikasi lisan dan bukan lisan diiktiraf sebagai elemen teras dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mulyani, 2011), keberkesanan komunikasi guru dalam bilik darjah masih menunjukkan beberapa kelemahan yang signifikan. Dalam konteks pengajaran, guru memperuntukkan hampir dua pertiga daripada masa pengajaran untuk berkomunikasi

dengan pelajar; namun, tempoh interaksi yang panjang ini tidak semestinya menjamin kualiti komunikasi yang berkesan. Sebahagian guru didapati lebih menumpukan kepada penyampaian sehalu, arahan, dan kawalan kelas, berbanding membina komunikasi dua hala yang mendorong kefahaman, refleksi, dan penglibatan aktif pelajar. Selain itu, kelemahan dalam penggunaan isyarat bukan lisan, intonasi suara, dan pemilihan bahasa yang sesuai berpotensi menjejaskan kejelasan mesej dan hubungan interpersonal antara guru dan pelajar. Kekurangan kemahiran komunikasi pedagogi juga boleh menyebabkan teguran atau kritikan disampaikan secara kurang berhemah, seterusnya memberi kesan negatif terhadap motivasi dan keyakinan pelajar. Oleh itu, keperluan untuk meningkatkan kompetensi komunikasi guru, termasuk keupayaan membina hubungan yang positif dan menyokong suasana pembelajaran yang kondusif, menjadi aspek penting yang masih memerlukan perhatian serius dalam amalan pengajaran (Syofia Ulfah et al., 2012).

Namun, perbincangan sistematik mengenai amalan komunikasi guru tahfiz dalam konteks pedagogi kontemporari masih terhad dan kurang bersifat menyeluruh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud kekangan dalam kemahiran komunikasi interpersonal, khususnya dari aspek interaksi dua hala, empati dan sokongan emosi terhadap pelajar (Mohd Zin et al., 2021). Selain itu, tahap integrasi teknologi dalam komunikasi pengajaran juga didapati masih rendah, sedangkan penggunaan ICT penting dalam memperkasakan pedagogi tahfiz abad ke-21 (Yahaya et al., 2022).

Tambahan pula, gaya penyampaian yang terlalu berorientasikan hafazan dan bersifat satu hala tanpa elemen tarbiah serta motivasi boleh menjejaskan keterlibatan dan daya tahan pelajar dalam proses hafazan jangka panjang (Ismail et al., 2025). Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi guru tahfiz perlu beralih kepada pendekatan yang lebih holistik dengan mengintegrasikan dimensi kognitif, afektif dan spiritual bagi memastikan pembentukan pelajar yang seimbang (Suprayitno et al., 2025).

Perkembangan teknologi pendidikan dan perubahan corak pembelajaran generasi pelajar masa kini menuntut guru tahfiz menyesuaikan pendekatan komunikasi mereka. Sebahagian guru masih berpegang kepada gaya komunikasi tradisional, sementara yang lain mula menggabungkan pendekatan interaktif dan digital dalam pengajaran mereka. Namun, cabaran yang dihadapi bukan sekadar soal adaptasi teknologi semata-mata. Aspek komunikasi spiritual seperti nasihat, teguran berhemah, dan kasih sayang sering terpinggir dalam konteks pendidikan moden yang terlalu mementingkan pencapaian kuantitatif. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting tentang bentuk, keberkesanan, dan kesesuaian amalan komunikasi guru tahfiz pada masa kini, sekaligus menegaskan keperluan untuk meneliti nilai dan amalan komunikasi mereka secara lebih mendalam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kepustakaan dengan meneliti sumber ilmiah seperti jurnal, buku, dan laporan penyelidikan berkaitan komunikasi pendidikan Islam dan pedagogi tahfiz. Sumber-sumber ini diteliti secara mendalam untuk mengenal pasti tema-tema utama, konsep-konsep penting, dan dapatan-dapatan kajian yang relevan dengan amalan komunikasi guru tahfiz.


Analisis data kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan trend dalam amalan komunikasi guru tahfiz. Proses analisis dijalankan secara sistematik, bermula dengan pengenalpastian dan pengumpulan sumber yang relevan, diikuti oleh pengekodan, pengkategorian, dan pengorganisasian data mengikut tema-tema yang bersesuaian. Pendekatan analisis tematik dipilih kerana ia merupakan antara kaedah utama dalam penyelidikan kualitatif yang berupaya membantu pengkaji mengenal pasti, meneliti, dan menyusun tema-tema utama berdasarkan dapatan kajian secara tersusun dan bermakna (Mohamad, 2019).

Melalui pendekatan ini, data bukan sekadar dikelompokkan mengikut kategori tertentu, malah dianalisis secara kritis dengan memberi perhatian kepada makna tersirat di sebalik kenyataan responden, bentuk interaksi sosial, dan konteks yang melatari fenomena yang dikaji. Dalam hal ini, pengkaji tidak hanya meneliti data bertulis, tetapi juga turut mempertimbangkan elemen pembacaan yang mendalam dan pengalaman pengkaji sepanjang proses pengumpulan dan analisis data (Lebar, 2015). Oleh itu, analisis tematik bersifat holistik kerana ia menggabungkan elemen deskriptif dan pentafsiran, sekaligus membolehkan pengkaji membina kefahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap amalan komunikasi guru tahfiz.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan komunikasi guru tahfiz bukan sekadar elemen sokongan, sebaliknya berfungsi sebagai teras utama (*core mechanism*) dalam menentukan keberkesanan PdP hafazan al-Quran. Analisis mendapati bahawa komunikasi guru dapat diklasifikasikan kepada tiga dimensi utama, iaitu komunikasi lisan, bukan lisan, dan spiritual, yang saling melengkapi dalam membentuk ekosistem pembelajaran tahfiz yang holistik.

Secara konseptual, ketiga-tiga dimensi ini memperlihatkan satu pola komunikasi bersepadu. Dalam pola ini, komunikasi lisan berperanan dalam penyampaian kognitif, komunikasi bukan lisan menyokong aspek afektif dan pengurusan tingkah laku, manakala komunikasi spiritual mengukuhkan dimensi nilai dan pembinaan rohani pelajar. Gabungan ketiga-tiga dimensi ini menjelaskan bahawa keberkesanan PdP tahfiz tidak hanya bergantung kepada teknik hafazan, tetapi turut dipengaruhi oleh kualiti interaksi pedagogi guru secara menyeluruh.



Rajah 1.0 Amalan Komunikasi Guru Tahfiz Al-Quran Di Malaysia

Komunikasi Lisan

Analisis menunjukkan bahawa komunikasi lisan merupakan dimensi dominan dalam PdP tahfiz, khususnya melalui pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah*. Peranan komunikasi lisan bukan hanya terhad kepada penyampaian maklumat, tetapi merangkumi fungsi pembentukan kefahaman, pemantauan bacaan, dan pembinaan hubungan pedagogi antara guru dan pelajar.

Dapatan turut memperlihatkan bahawa keberkesanan komunikasi lisan bergantung kepada tiga elemen utama, iaitu:

1. Kejelasan penyampaian,
2. Kesesuaian bahasa dengan tahap pelajar, dan
3. Konsistensi dalam interaksi pengajaran.

Gabungan elemen ini membolehkan guru menetapkan jangkaan pembelajaran, mengawal disiplin kelas, dan mewujudkan struktur PdP yang sistematik. Hal ini selari dengan pandangan bahawa komunikasi guru yang jelas dan konsisten menyumbang kepada pembentukan iklim bilik darjah yang kondusif dan terkawal (Marzano & Marzano, 2003).

Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa komunikasi lisan yang bersifat emosional dan bersifat motivasi seperti pujian, galakan, dan penceritaan memberi kesan signifikan terhadap pembangunan efikasi sendiri pelajar (Ibrahim et al., 2018; Ismail, S. et al., 2019). Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi lisan dalam konteks tahfiz tidak bersifat neutral, sebaliknya

bertindak sebagai alat penggerak motivasi intrinsik yang mempengaruhi keterlibatan dan ketekunan pelajar dalam hafazan (Azmi & Ahmad, 2019).

Dari sudut pedagogi tahfiz, komunikasi lisan turut berinteraksi secara langsung dengan kaedah tradisional seperti *talqin*, *tikrar*, *mayl*, dan *fahm* (Abdul Rahim et al., 2016). Amalan komunikasi guru tahfiz merangkumi komunikasi interpersonal, penceritaan, komunikasi bertulis, latihan penyebutan berulang, dan pendekatan bermain yang berfungsi sebagai strategi pedagogi untuk mengukuhkan interaksi guru-pelajar dalam hafazan al-Quran. Pendekatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan hafazan turut dipengaruhi oleh kualiti komunikasi, bukan semata-mata aspek kognitif (Mohd Zin et al., 2021).

Selain itu, kompetensi komunikasi guru didapati mempunyai hubungan signifikan dengan dimensi emosi dan sosial, seterusnya menyumbang kepada keberkesanan pengajaran serta pembentukan persekitaran pembelajaran yang kondusif (Abu Zarim & Surat, 2026; Han et al., 2020). Secara praktikal, dalam pendidikan tahfiz, komunikasi lisan seperti bacaan tartil, penjelasan makna ayat, penggunaan nada suara yang sesuai serta perkongsian kisah teladan daripada al-Quran dan hadis mampu memperkukuh hafazan dan meningkatkan penghayatan pelajar (Mohd Zin et al., 2021).

Komunikasi Bukan Lisan

Komunikasi bukan lisan dalam konteks pengajaran tahfiz memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada komunikasi lisan, khususnya melalui bahasa badan, ekspresi wajah dan pandangan mata yang menyampaikan makna emosi secara tersirat. Isyarat seperti senyuman, anggukan dan gerak isyarat didapati mampu meningkatkan kefahaman, menarik minat serta menyokong interaksi berkesan antara guru dan pelajar (Mohd Ishak & Nik Rahimi, 2022; Omar & Mohd Ali, 2021). Secara analitikal, penggunaan komunikasi bukan lisan yang positif menyumbang kepada pembentukan hubungan yang lebih dekat, mengurangkan kebimbangan pelajar serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, sekali gus meningkatkan motivasi dan keyakinan diri pelajar dalam proses pembelajaran termasuk hafazan al-Quran (Ismail et al., 2019; Mukhlis Rosli et al., 2023).

Dari sudut pedagogi, komunikasi bukan lisan turut dizahirkan melalui tindakan guru mendengar hafazan secara aktif, membimbing secara berperingkat, dan memodelkan akhlak dan nilai melalui teladan yang konsisten (Ismail, S. et al., 2019). Pendekatan ini diperkukuh dengan integrasi gaya pembelajaran visual, auditori, dan kinestetik (VAK) yang menunjukkan keupayaan guru menyesuaikan komunikasi mengikut keperluan pelajar. Adaptasi ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian, bahkan merangsang keterlibatan pelajar secara lebih menyeluruh, sekaligus menghasilkan pengalaman pembelajaran al-Quran yang lebih interaktif, inovatif, dan bermakna. Dalam konteks pendidikan, komunikasi bukan lisan seperti senyuman, nada lembut dan kontak mata juga didapati berperanan dalam membina kepercayaan, mengurangkan tekanan emosi serta meningkatkan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran (Xie & Derakhshan, 2021). Dalam perspektif teladan, pendekatan Rasulullah SAW yang lembut dan penuh kasih sayang seperti mengusap kepala kanak-kanak mencerminkan aplikasi komunikasi bukan lisan yang berkesan dalam membina hubungan emosi, rasa dihargai, dan keterikatan pelajar terhadap guru, sekaligus menyokong keberkesanan proses pendidikan (Ismail, S. et al., 2019).

Komunikasi Spiritual

Komunikasi spiritual dalam pendidikan tahfiz memperlihatkan dimensi yang lebih mendalam berbanding komunikasi pedagogi biasa kerana ia berorientasikan penyampaian nilai keagamaan, pembinaan hubungan dengan Allah, dan pemupukan dimensi rohani dan moral pelajar. Melalui elemen seperti nasihat agama, doa, dan perkongsian nilai Islam, komunikasi ini berfungsi sebagai medium internalisasi nilai, bukan sekadar penyampaian maklumat. Justeru, ia menyumbang kepada peningkatan kesedaran spiritual dan penghayatan agama dalam diri pelajar, di samping memperkukuh hubungan guru-pelajar berasaskan nilai dan kepercayaan (Rizal & Burhaman, 2022).

Dalam konteks ini, guru tahfiz tidak hanya berperanan sebagai penyampai kurikulum, tetapi juga sebagai pembimbing spiritual yang menghubungkan ajaran Islam dengan realiti kehidupan pelajar. Peranan ini selaras dengan dapatan kajian yang menegaskan fungsi guru sebagai pembimbing nilai dan teladan rohani, lantas menjadikan komunikasi spiritual sebagai instrumen utama dalam pembentukan sahsiah pelajar (Lamora, 2025). Keperluan guru menjadi model yang baik turut ditekankan kerana keteladanan berfungsi sebagai komunikasi tidak langsung yang memberi impak besar terhadap pencapaian objektif pendidikan tahfiz (Abdul Rahim et al., 2016).

Selain itu, interaksi guru-pelajar yang bersifat emosional dan bermuatan nilai didapati mampu merangsang perkembangan spiritual yang lebih mendalam. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi spiritual berperanan sebagai pemangkin kepada pembentukan sikap, kepercayaan, dan amalan keagamaan pelajar secara bersepadu, sekaligus menjadikan proses pendidikan tahfiz lebih holistik dan berimpak (Rizal & Burhaman, 2022).

Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan dapatan, beberapa implikasi praktikal dapat dirumuskan:

- 1. Pengukuhan Kompetensi Komunikasi Guru**
Latihan profesional perlu memberi penekanan kepada gabungan komunikasi lisan, bukan lisan, dan spiritual sebagai satu set kemahiran pedagogi bersepadu, bukan secara terpisah.
- 2. Integrasi Teknologi dalam Komunikasi Pedagogi**
Penggunaan teknologi perlu dilihat sebagai medium untuk meluaskan bentuk komunikasi, khususnya dalam menyokong visualisasi, interaktiviti, dan pemantauan hafazan.
- 3. Pendekatan Berpusatkan Pelajar**
Komunikasi guru perlu disesuaikan dengan kepelbagaian gaya pembelajaran, tahap hafazan, dan keperluan emosi pelajar bagi meningkatkan keberkesanan interaksi PdP.
- 4. Pengukuhan Ekosistem Sokongan**
Kerjasama antara guru dan ibu bapa perlu diperkukuh sebagai lanjutan kepada komunikasi pedagogi bagi memastikan kesinambungan sokongan terhadap hafazan di luar bilik darjah.

Kesimpulan

Dapatan ini menegaskan bahawa penguasaan komunikasi bersepadu berasaskan nilai Islam merupakan elemen kritikal dalam memperkukuh keberkesanan pedagogi tahfiz. Guru tahfiz yang berkesan mengaplikasikan pelbagai bentuk komunikasi, termasuk lisan, bukan lisan, dan spiritual, yang berlandaskan nilai-nilai Islam. Walaupun terdapat cabaran, guru tahfiz boleh meningkatkan amalan komunikasi mereka melalui latihan, penggunaan teknologi, pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar, dan kerjasama dengan ibu bapa. Dengan mengupayakan komunikasi yang bersepadu dan berakar pada nilai Islam, guru tahfiz berupaya membentuk persekitaran pembelajaran yang menyuburkan hafazan, memupuk motivasi pelajar secara berterusan, dan mengukuhkan ikatan pedagogi yang bermakna antara guru dan pelajar — sekaligus menyumbang kepada pembangunan generasi penghafaz al-Quran yang berkualiti dan berakhlak mulia.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Pernyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Skim Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) bertajuk “Analisis Keberkesanan Teknologi Media dan Komunikasi dalam Pembelajaran Tahfiz di Malaysia” di bawah Nombor Geran 2024/P/GPIU/GPM-003.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Safinah Ismail dan Khadijah Lokman bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi, dan penyeliaan keseluruhan kajian. Norhasanah Mohd Yusoff mengendalikan pengumpulan data, analisis, dan tafsiran dapatan kajian. Hayati Hussin dan Muizz Mohamed Salleh menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Abdul Rahim, M. M., Yussuf, A., Borham, A. H., & Kamarul Zaman, M. A. (2016). Amalan pengajaran pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia: Perspektif majikan dan pensyarah. *Journal of Islamic Educational Research*, 1(special edition), 11–20. <https://mojem.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/2158>
- Abu Zarim, N. Z., & Surat, S. (2026). Relationship between social-emotional competence and teaching skills of secondary school teachers. *Journal of Education and Learning*, 20(1), 440–447. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v20i1.22032>
- Ahmad, A. R., Norhayati, M., & Zulkifli, M. (2021). Kepentingan penggunaan media sosial dan teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 45–57.
- Azmi, M. N., & Ahmad, R. (2019). Strategi pengajaran guru dalam institusi tahfiz: Satu analisis komunikasi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 21–30.
- Han, J., Perron, B. E., Yin, H., & Liu, Y. (2020). Faculty stressors and their relations to teacher efficacy, engagement and teaching satisfaction. *Higher Education Research & Development*, 40(2), 247–262. <https://doi.org/10.1080/07294360.2020.1756747>
- Hussin, H., Abd Ghani, A. R., Ahmad, A. R., & Mohd Haridi, N. H. (2022). Dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran semasa COVID-19: Kajian terhadap pelajar USIM. *Jurnal Qiraat*, 5(1), 27–36.
- Ibrahim, M., Ramli, R. M., & Zakaria, N. (2018). Komunikasi berkesan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam: Satu tinjauan awal. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 31(1), 55–70.
- Ismail, N. (2019). Concept and execution of Talaqqi and Musyafahah method in learning Al-Quran. *International Journal of Fiqh and Usul al-Fiqh Studies*, 3(1), 1–10.
- Ismail, S., Mohd Zin S. M., Azizan N. Z. I., & Mansor, F. N. (2019). Kaedah komunikasi nonverbal dalam hafalan al-Quran di prasekolah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2, 1–14.
- Lamora, K. (2025). Peran guru agama dalam mengembangkan kompetensi spiritual siswa di era digital. *Jurnal Pemikiran Islam dan Dinamika Sosial*, 1(1), 61–67. <https://terranovajournal.com/JPIDS/article/view/117>
- Lebar, O. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marzano, R. J., & Marzano, J. S. (2003). The key to classroom management. *Educational Leadership*, 61(1), 6–13.
- Mohamad, N. (2019). *Pendekatan pengajaran berasaskan manhaj al-Tadarruj kepada saudara baharu di Malaysia* [Tesis Doktor Falsafah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor].
- Mohd Fakhruddin, F., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Wan Jaafar, W. M., & Abd Mutalib, L. (2019). Cabaran pembelajaran dan sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz di sekolah agama bantuan kerajaan terpilih di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 3(2), 35–45.
- Mohd Ishak, S. M., & Nik Rahimi, N. Y. (2022). Amalan komunikasi nonverbal guru bahasa Arab: Satu kajian kepustakaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), e001389.
- Mohd Noorhadi, A. N., & Zurinah, S. (2017). Pengaruh media sosial terhadap pendidikan Islam: Kajian awal terhadap keberkesanan penyampaian mesej dakwah dalam kalangan pelajar. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 5(1), 22–32.
- Mohd Zin, S. M., Azizan, N. I., Ismail, S., & Mansor, F. N. (2021). Pendekatan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran antara dua institusi pratahfiz di

- Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 23–40.
<https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/77>
- Mukhlis Rosli, M., Azhar, A. H., Abdullah, M. M., & Shahrom, N. F. N. (2023). Keberkesanan komunikasi bukan lisan terhadap penguasaan pembelajaran bahasa Arab. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*.9(4): 157 – 167.
<https://mjsshonline.com/index.php/journal/article/view/712>
- Mulyani, W. (2011). *Implementasi komunikasi verbal dan nonverbal dalam proses menghafal Juz Amma pada pendidikan anak usia dini di Bait Quran* [Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta].
- Nordin, A. B., & Norazah, M. N. (2020). Jurang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di antara sekolah bandar dan luar bandar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 77–88.
- Omar, N., & Mohd Ali, S. (2021). Komunikasi bukan lisan dalam konteks kehadiran sosial di ruang maya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4). 273-294.
<https://ejournals.ukm.my/mjc/article/view/53039>
- Shaharuddin, S. A., Ismail, S., Mustafa, N. M., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2024). Kemajuaninovasi aplikasi tahfiz digital: Satu kemudahan bagi pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 133–146.
- Syofia Ulfah . Zamri Mahamod . Jamaluddin Badusah, Hamidah Yamat (2012), Amalan Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Bahasa Indonesia Ketika Memulakan Pengajaran *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* ISSN: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2 (Nov. 2012): 71-82
- Xie, F., & Derakhshan, A. (2021). A conceptual review of positive teacher interpersonal communication behaviors. *Frontiers in Psychology*, 12, 708490.
<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.708490>
- Yahaya, M., Hashim, A., Elley, R. A. Z., Zakaria, R., Ramlan, S. R., Adi, M. F. A., & Huda, M. (2022). *The main components of the tahfiz teaching model with ICT elements: An evaluation with the NGT application*. *Journal of Hunan University Natural Sciences*, 49(1), 8–13.
<https://doi.org/10.55463/issn.1674-2974.49.1.2>